

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VI)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

20. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan bilangan pengguna bas awam yang kian menurun?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk memperkenalkan lorong khas untuk bas awam di kawasan tertentu?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan bilangan pengguna bas awam di Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Mempromosikan penggunaan Pas Mutiara (RM50) kepada semua pengguna. Pas ini boleh digunakan selama 30 hari bagi kesemua perkhidmatan bas Rapid Penang di Pulau Pinang termasuk perkhidmatan feri. Promosi dijalankan dengan menggunakan semua saluran media sosial pihak Rapid Penang;
- (ii) Memperkenalkan perkhidmatan bas percuma *Congestion Alleviation Transport (CAT)* di 12 laluan di seluruh Negeri Pulau Pinang;
- (iii) Menaik taraf infrastruktur pengangkutan awam seperti pembaikan perhentian bas, laluan pejalan kaki dan memperkenalkan perhentian bas pintar;

- (iv) Memohon kepada Kerajaan Persekutuan berkenaan penggunaan Bas Elektrik yang mesra alam dan penggunaan Bas Mini di kawasan perumahan dan perkampungan;
  - (v) Menggalakkan penggunaan aplikasi pintar yang telah dibangunkan oleh pihak Rapid Penang dalam mengetahui maklumat berkaitan perkhidmatan bas;
  - (vi) Menaik taraf perkhidmatan bas dari segi jadual bas, rationalisasi laluan dan keselamatan penumpang;
  - (vii) Membuat promosi penggunaan pengangkutan awam di kawasan-kawasan yang berpotensi seperti kawasan kilang di Bayan Lepas bagi perkhidmatan Bridge Express Shuttle Transit (BEST) Free Industrial Zone (FIZ); dan
  - (viii) Membuat hebahan berkaitan penggunaan perkhidmatan BEST KOMTAR bagi penjawat awam yang berkhidmat di KOMTAR.
- (a) Cadangan lorong khusus bas adalah cadangan yang baik. Namun begitu kesesuaian pelaksanaan perlu dilihat secara menyeluruh dan terperinci tertakluk kepada Kajian Kebolehlaksanaan di lokasi-lokasi yang telah dikenalpasti dan keadaan jalan raya itu sendiri. Buat masa sekarang, tumpuan Kerajaan Negeri adalah untuk memperkasa dan menaik taraf perkhidmatan bas agar menjadi pilihan utama pengguna.